

Hishammuddin pengerusikan sesi kumpulan kerja Komanwel

UM - 14/12/2008

KUALA LUMPUR 13 Dis. - Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein hari ini memengerusikan satu sesi perbincangan kumpulan kerja peringkat menteri di Persidangan Menteri-menteri Pelajaran Komanwel ke-16 di Cape Town, Afrika Selatan.

Kumpulan kerja itu antara lain membincangkan pelbagai aspek relevan dengan negara-negara Komanwel terutama masalah yang dihadapi negara kecil serta negara dalam konflik, isu gender, HIV/Aids serta pencapaian *Millennium Development Goals* yang berkaitan bidang pendidikan.

Menurut satu kenyataan Kementerian Pelajaran yang dikeluarkan di sini hari ini, laporan kumpulan kerja itu akan

Laporan kumpulan kerja itu akan mengandungi cadangan dan tindakan susulan bagi peringkat sekretariat, nasional, serantau dan pan-Komanwel

**KEMENTERIAN
PELAJARAN**

mengandungi cadangan dan tindakan susulan bagi peringkat sekretariat, nasional, serantau dan pan-Komanwel.

Laporan terakhir kumpulan kerja itu juga dipanjangkan kepada peringkat Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) untuk diperakukan kelak.

Sesi yang dipengerusikan oleh Hishammuddin itu dihadiri oleh menteri-menteri pelajaran Komanwel, pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil ma-

syarakat sivil, sektor awam serta wakil bidang perguruan.

Hishammuddin akan turut membentangkan dan melaporkan hasil perbincangan kumpulan kerja itu semasa sesi plenari kelapan kepada semua menteri pelajaran Komanwel.

Seramai 40 menteri pelajaran negara Komanwel menghadiri persidangan itu dari 8 hingga 15 Disember.

- Bernama